



DR MAHATHIR

Pernas jadi tenaga penggerak B-putera

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, PERNAS sejak ditubuhkan 10 tahun lalu berjaya menambahkan penyertaan Bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perindustrian menerusi syarikat induk, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat sekutunya.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan Negara hari ini ketika menjawab keraguan Senator Datuk Syed Hassan Aidid, bahawa PERNAS adalah nadi penggerak bagi meninggikan lagi penyertaan Bumiputra dari segi memberi peluang pekerjaan.

Yang lebih penting lagi, tambah beliau, membangunkan kumpulan kakitangan pengurusan 'eksekutif' dan profesional di kalangan kaum Bumiputra.

Katanya, pada akhir bulan Mei lalu, bilangan Bumiputra yang bekerja dalam syarikat-syarikat Kumpulan PERNAS berjumlah 7,269 orang — 752 orang darinya adalah eksekutif dan profesional.

Katanya lagi, sebagai "pin-off benefit", PERNAS menerusi aktiviti-aktivitinya juga dapat membantu dan membimbing penguasaha-pengusaha dan syarikat-syarikat Bumiputra.

Bimbing

Dalam bidang pembinaan pula, jelas beliau, PERNAS menerusi PERNAS Construction dapat membantu dan membimbing pemborong-pemborong Bumiputra dalam mengerjakan kontrak.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, PERNAS Trading juga dapat membantu pemborong-pemborong Bumiputra dari segi pembekalan bahan-bahan binaan.

Dalam bidang perniagaan runcit pula, PERNAS Edar dapat membimbing dan memajukan peniaga runcit Bumiputra.

Menurutnya, beberapa buah syarikat Bumiputra serta perseorangan dapat melibatkan diri masing-masing dalam bidang-insurans sebagai agen.

Katanya lagi, usah-usaha itu akan diperbesar lagi oleh PERNAS pada masa yang akan datang.

Mengenai penjualan saham-saham PERNAS, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, perkara itu dalam pertimbangan Kerajaan untuk menentukan masa dan cara yang sesuai untuk dilaksanakan.

Menjawab soalan Senator Raja Datuk Nong Chik Ishak, Timbalan Perdana Menteri mengakui memang benar PERNAS memasuki bidang perniagaan yang kadang-kadang seolah-olah ia berlandung dengan syarikat-syarikat Bumiputra.

Walaupun begitu, jelasnya, kadang-kadang ia dapat memberi faedah cara tidak langsung kepada syarikat Bumiputra sendiri.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, tujuan Kerajaan mahukan PERNAS memasuki bidang perniagaan yang tidak dapat disertai oleh Bumiputra dan dimana yang timbul keraguan tentang penyertaan Bumiputra boleh mendapat keuntungan atau tidak.

Bellau yakin syarikat-syarikat PERNAS boleh mencapai kejayaan kerana ia mempunyai modal yang besar dan apabila kejayaan dicapai, saham-saham dalam PERNAS boleh didedarkan kepada Bumiputra.

No. Siri 2145
No. Penerimaan 321/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia